

MALAYSIAN JOURNAL OF HUMAN ECOLOGY

Journal Homepage: https://eco1.upm.edu.my/jurnal_mjhe-3740

JERAYAWARA ILMU HADITH MEMBINA PERADABAN ISLAM GLOBAL

Ahmad Nasir Mohd Yusoff¹ & Mohammad Akhir Wahab²

Jabatan Pengajian Kenegaraan & Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor¹

Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral IPG Kampus Darulaman, Jitra, Kedah²

ABSTRAK

Disiplin ilmu yang bersumberkan wahyu mempunyai ruang lingkup bidang pengajian yang sangat komprehensif. Bidang utama yang sering dikaitkan dengan ilmu wahyu ialah bidang pengajian Islam seperti ilmu-ilmu akidah, syariah, akhlak, al-Qur'an dan Hadith. Hadith berperanan sebagai sumber rujukan yang penting kepada umat Islam. Peranan Hadith antara lain termasuklah memperjelaskan ayat-ayat al-Qur'an yang bersifat umum, menerangkan kemusykilan yang timbul daripada al-Qur'an serta mengkhususkan hukum-hukum umum yang terdapat di dalam al-Qur'an. Tanpa Hadith, umat Islam sukar memahami segala tuntutan kitab suci tersebut dengan sempurna. Oleh itu, Rasulullah ﷺ dan para sahabat memberikan perhatian utama terhadap pengajian Hadith. Rasulullah ﷺ sentiasa komited mengajar para sahabat untuk memahami ajaran Islam menerusi Hadith-hadith yang disampaikan. Pada zaman Rasulullah ﷺ, masjid menjadi institusi utama yang berperanan sebagai pusat pendidikan dan pengajian Hadith. Perbincangan merangkumi kedudukan dan kepentingan pengajian Hadith dalam Islam, pengajian Hadith pada zaman Rasulullah ﷺ, pengajian Hadith di masjid pada zaman Rasulullah ﷺ dan Tab'in.

Kata kunci : Jerayawara, Ilmu Hadith, Peradaban, Islam, Global

Corresponding Author:

Ahmad Nasir Mohd Yusoff, PhD

Emel: ahmadnasir@upm.edu.my

Tel: 03.9769 7255

ABSTRACT

Discipline based disciplines have a very comprehensive scope of study. The main areas often associated with the revelation of knowledge are the field of Islamic studies such as the sciences of the creed, the shariah, the morals, the Qur'an and the Hadith. Hadith serves as an important source of reference to Muslims. The role of the Hadith among others includes clarifying the verses of the Qur'an that is general, explaining the concerns arising from the Qur'an and specializing the general laws contained in the Qur'an. Without the Hadith, the Muslims are difficult to understand the claims of the scriptures perfectly. Therefore, Rasulullah and his companions pay attention to the study of Hadith. The Prophet was always committed to teaching his companions to understand the teachings of Islam through the Hadiths delivered. During the Prophet's time, the mosque became the main institution that served as the center of education and Hadith studies.

Keywords: Roadshows, Hadith Sciences, Civilization, Islam, Global

KEDUDUKAN DAN KEPENTINGAN PENGAJIAN HADITH DALAM ISLAM

Kedudukan dan kepentingan pengajian Hadith dalam Islam boleh ditinjau daripada perspektif al-Qur'an dan Hadith itu sendiri. Sesuai dengan status kedua-duanya sebagai sumber rujukan utama, terdapat beberapa ayat al-Qur'an dan Hadith yang menjelaskan tentang kedudukan dan kepentingan Hadith dalam Islam. Dalam menjelaskan hal ini, terdapat dua bentuk pernyataan ayat al-Qur'an iaitu pernyataan umum dan pernyataan khusus. Ayat-ayat berbentuk pernyataan umum menjelaskan tentang kewajiban mengimani dan mentaati Rasulullah ﷺ seperti yang dinyatakan dalam firman Allah swt yang

bermaksud :

Wahai orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah, dan janganlah kamu membatalkan amalan kamu!

(Surah Muhammad 47:33)

Secara umumnya, ayat di atas memerintahkan orang yang beriman agar mentaati Allah dan Rasul-Nya ﷺ serta melarang sebarang bentuk penentangan terhadap-Nya dan Rasul-Nya. Menurut Ibn Kathir (774H), mentaati Rasulullah ﷺ bererti mentaati Allah, sebaliknya menentang baginda bermakna menentang Allah serta mendatangkan kerugian. Menurut beliau lagi, orang beriman yang mentaati perintah ini akan mengecapi kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa perintah mentaati Rasulullah ﷺ sangat sinonim dengan kewajiban mematuhi segala yang disandarkan pada baginda sama ada berbentuk suruhan, larangan, teladan dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga ayat yang didatangkan dalam bentuk pernyataan khusus. Ayat-ayat ini menyeru orang yang beriman agar mengikut segala yang diwahyukan kepada Rasulullah ﷺ, dengan kata lain menjadikan Hadith atau al-sunnah sebagai sumber rujukan.

Selain al-Qur'an, terdapat beberapa Hadith yang menerangkan tentang kedudukan dan kepentingan Hadith dalam Islam. Sebagaimana al-Qur'an, hadith-hadith yang menjelaskan kedudukan dan kepentingan Hadith dalam Islam juga dapat dibahagikan kepada dua bentuk pernyataan. Hadith-hadith yang didatangkan dalam bentuk pernyataan umum adalah seperti sabda Rasulullah ﷺ:

كُلُّ أُمَّتِي يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ أَبَى
 قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَنْ يَأْبَى قَالَ
 مَنْ أَطَاعَنِي دَخَلَ الْجَنَّةَ وَمَنْ
 عَصَانِي فَقَدْ أَبَى

Maksudnya :

Setiap umatku akan memasuki syurga kecuali sesiapa yang enggan. (Para sahabat) bertanya : Wahai Rasulullah, siapakah yang enggan itu?, (Rasulullah) menjawab : Sesiapa yang mentaatiku, dia akan memasuki syurga dan sesiapa yang tidak mentaatiku (menentangku) maka sesungguhnya dialah yang enggan.

Hadith yang didatangkan dalam bentuk pernyataan khusus yang menjelaskan tentang kedudukan dan kepentingan Hadith dalam Islam adalah seperti yang berikut :

عَنْ الْعُرْبَاضِ بْنِ سَارِيَةَ قَالَ
 وَعَظَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
 وَسَلَّمَ يَوْمًا بَعْدَ صَلَاةِ الْعِدَاةِ
 مَوْعِظَةً بَلِيغَةً دَرَقَتْ مِنْهَا الْعُيُونُ
 وَوَجَلَّتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ فَقَالَ رَجُلٌ إِنَّ
 هَذِهِ مَوْعِظَةٌ مُودِعَ فَمَاذَا نَعْمَدُ إِلَيْنَا
 يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ أَوْصِيكُمْ بِتَقْوَى
 اللَّهِ وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ وَإِنْ عَبْدٌ
 حَبَشِيٌّ فَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ يَرَى
 اخْتِلَافًا كَثِيرًا وَإِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ
 الْأُمُورِ فَإِنَّهَا ضَلَالَةٌ فَمَنْ أَدْرَكَ
 ذَلِكَ مِنْكُمْ فَعَلَيْهِ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ
 الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ عَضُّوا
 عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ¹

Al-'Irbad bin Sariyah menyatakan bahawa pada satu hari selepas solat Zohor Rasulullah ﷺ telah memberi satu nasihat yang amat mengesan kepada kami sehingga mengalir air

mata dan gementar hati-hati kami. Lalu seorang lelaki berkata “ sesungguhnya ini adalah nasihat selamat tinggal, apakah amanah yang engkau berikan kepada kami wahai Rasulullah ?”. Rasulullah ﷺ bersabda “Aku mewasiatkan kepada kamu supaya bertaqwa kepada Allah, mendengar dan taat (suruhan dan larangan-Nya) sekalipun dia adalah seorang hamba berbangsa Habsyi. Sesungguhnya sesiapa yang masih hidup (selepas ini), dia akan melihat banyak berlaku perselisihan, justeru berhati-hatilah terhadap perkara-perkara yang baharu kerana sesungguhnya ia adalah kesesatan. Sesiapa di antara kamu yang menghadapinya, maka hendaklah dia (berpegang teguh) dengan sunnahku dan sunnah al-Khulafa' al-Rasyidin yang mendapat petunjuk (daripada Allah), gigitlah (sunnah-sunnah) tersebut dengan geraham-geraham.

Hadith di atas dengan jelas menerangkan kepentingan al-Sunnah atau Hadith dalam kehidupan manusia. Setiap umat Islam berkewajipan menjadikan sunnah Rasulullah ﷺ dan sunnah al-Khulafa' al-Rasyidin sebagai pegangan. Abu Bakr al-'Arabi menyatakan bahawa menurut ijmak, al-Khulafa' al-Rasyidin dalam Hadith al-'Irbad bin Sariyah di atas merujuk kepada empat orang sahabat Rasulullah ﷺ iaitu Abu Bakr, 'Umar, Uthman dan 'Ali. Arahan merujuk kepada sunnah para sahabat tersebut berasaskan kepada dua prinsip utama iaitu pertama, sebagai ikutan bagi yang tidak berkemampuan mengkaji, dan kedua, untuk mencari penyelesaian ketika berlaku perbezaan pandangan dan perselisihan. Hadith di atas telah memperakukan secara pasti (*qat'i*) bahawa al-sunnah atau Hadith berperanan sebagai sumber rujukan utama umat Islam di samping al-Qur'an. Oleh itu, menjadi kewajipan umat Islam untuk mempelajari,

mencintai dan beramal dengan sunnah Rasulullah ﷺ agar tidak tergolong dalam kalangan mereka yang tidak diperaku sebagai umat baginda.

Ayat al-Qur'an dan Hadith nabi yang dikemukakan di atas menjadi bukti jelas bahawa Hadith mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dalam Islam. Kedudukan ini berdasarkan statusnya sebagai rujukan utama umat Islam, baik yang berkait dengan soal-soal akidah, ibadah, akhlak, hukum-hakam, kemasyarakatan dan sebagainya. Oleh itu, seluruh umat Islam berkewajipan mempelajari dan mendalami Hadith dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya selaras dengan tuntutan supaya umat Islam mentaati Rasulullah ﷺ serta berpegang pada sunnah baginda.

Pengajian Hadith Pada Zaman Rasulullah ﷺ

Rasulullah ﷺ membangunkan masyarakat Islam berasaskan beberapa aspek, antara yang utama ialah membangunkan individu Muslim, rumahtangga Muslim dan institusi masjid. Sebagai sebuah institusi masyarakat, masjid berperanan sebagai medium dalam menyebarkan dan mengembangkan ilmu-ilmu Islam. Rasulullah ﷺ bersabda :

مَنْ جَاءَ مَسْجِدِي هَذَا لَمْ يَأْتِهِ إِلَّا
لِخَيْرٍ يَتَعَلَّمُهُ أَوْ يُعَلِّمُهُ فَهُوَ بِمَنْزِلَةِ
الْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَنْ جَاءَ
لِغَيْرِ ذَلِكَ فَهُوَ بِمَنْزِلَةِ الرَّجُلِ يَنْظُرُ
إِلَى مَتَاعِ غَيْرِهِ²

Maksudnya :

Barangsiapa mendatangi masjidku ini, ia tidak datang kecuali kerana kebaikan sesuatu yang ia pelajari atau yang akan ia ajarkan, maka

kedudukannya seperti seorang mujahid fi sabilillah. Dan barangsiapa mendatangnya untuk selain itu, maka ia seperti seseorang yang melihat barang milik orang lain."

Hadith di atas menunjukkan bahawa Islam memberikan kedudukan yang tinggi kepada seseorang yang mempelajari ilmu di masjid. Dengan ilmu tersebut, seseorang dapat mengenal Allah serta membezakan antara perkara yang halal dan haram. Dalam hal ini, al-Nawawi (676H) menjelaskan bahawa masjid ialah tempat yang sesuai untuk menjalankan aktiviti pengajian ilmu dan seterusnya memperoleh *al-sakinah* dan *al-rahmah* sebagaimana dinyatakan dalam Hadith di atas. Oleh itu, Hadith-Hadith di atas menunjukkan bahawa Rasulullah ﷺ mengiktiraf institusi masjid sebagai tempat pengajian ilmu. Tambahan pula pada zaman Rasulullah ﷺ, wujud hubungan yang sangat rapat antara institusi masjid dan pengajian ilmu-ilmu Islam termasuk juga pengajian Hadith. Masjid pada zaman Rasulullah ﷺ dapat dikategorikan seperti yang berikut :

Pengajian Hadith di Masjid Pada Zaman Rasulullah ﷺ

Muhammad 'Ajjaj dalam *Usul al-Hadith* menyatakan bahawa pengajian Hadith pada zaman Rasulullah ﷺ berjalan seiring dan serentak dengan pengajian al-Qur'an³. Hal ini berasaskan kepada peranan Hadith itu sendiri sebagai sumber penjelas utama kepada isi kandungan al-Qur'an. Sebagai utusan Allah, baginda menyampaikan penerangan yang jelas dan tepat untuk memberikan kefahaman kepada para sahabat tentang ajaran Islam yang terkandung di dalam al-Qur'an. Senario ini telah melahirkan disiplin pengajian al-Qur'an

dan pengajian Hadith secara bersepadu. Kesepaduan kedua-dua disiplin pengajian ini tidak dapat disangkal lagi atas faktor kedudukan kedua-duanya sebagai sumber pertama dan kedua dalam ajaran Islam. Jelaslah bahawa disiplin pengajian Hadith merupakan pengajian teras kepada semua disiplin pengajian dalam Islam selain daripada pengajian al-Qur'an sama ada yang berorientasikan ilmu keagamaan mahupun keduniaan. Oleh itu, dalam kerangka ajaran Islam yang syumul, perspektif pengajian Hadith pada zaman Rasulullah ﷺ tidak boleh ditinjau dan dikaji secara terpisah dengan pengajian al-Qur'an. Ini kerana wujud hubungan kesalingan yang sangat sinonim antara kedua-duanya.

Pengajian Hadith pada zaman Rasulullah ﷺ dapat dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu peringkat Mekah dan peringkat Madinah. Di Mekah, pada peringkat awal Islam, Rasulullah ﷺ menjadikan rumah sahabat, al-Arqam bin Abi al-Arqam dan rumah baginda sendiri sebagai pusat pengajian. Al-Abrasyi seperti dipetik oleh Abdullah Ishak menyatakan bahawa rumah al-Arqam (Dar al-Arqam) merupakan institusi pendidikan Islam yang pertama dan Rasulullah ﷺ sendiri sebagai guru dan pendidiknya⁴. Rasulullah ﷺ menumpukan isi pengajaran terhadap aspek-aspek prinsip dalam ajaran Islam. Hadith-Hadith yang diajar oleh baginda ﷺ hasil daripada penjelasan terhadap isi kandungan al-Qur'an dihafaz oleh para sahabat.

Setelah Islam mula mendapat tempat, Rasulullah ﷺ menyampaikan ajaran Islam secara terbuka. Hadith-hadith disampaikan dan disebar di mana-mana sahaja sama ada ketika baginda ditanya tentang sesuatu masalah atau baginda sendiri hendak

menerangkan sesuatu hukum. Antara lokasi terpenting pengajaran Hadith adalah di masjid. Menurut Ahmad Syalabi, wujud pertalian yang sangat erat antara masjid dengan pengajian ilmu-ilmu Islam. Hal ini kerana masjid dianggap sebagai tempat asasi untuk menyebarkan ilmu-ilmu tersebut. Senario pengajian ilmu di masjid berterusan sepanjang zaman semenjak masjid mula didirikan.

Ibn Hisyam seperti dipetik oleh Ahmad Syalabi menyatakan bahawa Rasulullah ﷺ pada zaman awal Islam pernah menggunakan satu ruang di Masjidil Haram yang terletak antara *al-Rukn al-Aswad* dan *al-Rukn al-Yamani* sebagai tempat mengajar. Bagaimanapun, pengajaran Rasulullah ﷺ di Masjidilharam, iaitu satu-satunya masjid yang terdapat di Mekah ketika itu mendapat halangan daripada orang kafir Musyrik. Keadaan ini menunjukkan bahawa pada zaman permulaan Islam di Mekah, pengajian Hadith dan juga ilmu-ilmu Islam yang lain masih tidak dapat dijalankan dengan lancar di masjid. Meskipun begitu, pengajian Hadith masih berlangsung di luar daripada lingkungan masjid.

Selepas peristiwa hijrah ke Madinah dan diikuti peristiwa pembukaan Kota Mekah (*Fath Makkah*), senario pengajian Hadith di Mekah telah mengalami perubahan. Rasulullah ﷺ kembali melaksanakan pengajaran baginda dengan lancar. *Fath Makkah* menyebabkan Kaabah (Masjidil Haram) kembali dibersihkan. Semua patung dan berhala yang berada di keliling Kaabah dimusnahkan. Al-Bukhari (256H) dalam sahihnya meriwayatkan bahawa selepas sehari baginda menawan Kota Mekah, baginda telah memberikan ucapan atau pengajaran yang mengandungi beberapa nasihat kepada umat

4

Islam. Hal tersebut menunjukkan bahawa pengajaran Rasulullah ﷺ telah dimulakan semula di Masjidil Haram setelah Kota Mekah dikuasai oleh umat Islam. Selain Rasulullah ﷺ, baginda juga turut melantik beberapa orang sahabat untuk mengajar asas-asas agama Islam kepada penduduk Mekah, antaranya ialah ‘Attab bin Asid dan Mu‘adh bin Jabal. Ringkasnya, pengajaran Rasulullah ﷺ di Masjidilharam selepas peristiwa *Fath Makkah* telah kembali dijalankan dengan baik dan lancar.

Fungsi masjid sebagai institusi pendidikan yang mempelopori pengajian Hadith lebih terserlah di Madinah berbanding di Mekah. Rasulullah ﷺ menjadikan Masjid Nabawi sebagai tempat ibadat dan pendidikan. Menurut al-Abrasyi, suasana di masjid lebih sesuai sebagai tempat pengajian berbanding dengan rumah. Hal ini kerana seseorang tidak perlu memohon keizinan untuk memasukinya berbanding dengan rumah. Safwan bin ‘Assal pernah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ sangat mengalu-alukan kedatangan beliau ke masjid untuk menuntut ilmu.

حَدَّثَ صَفْوَانُ بْنُ عَسَّالٍ الْمُرَادِيُّ
 قَالَ : أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ وَهُوَ
 مُتَّكِيٌّ فِي الْمَسْجِدِ عَلَى بُرْدٍ لَهُ
 فَقُلْتُ لَهُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي جِئْتُ
 أَطْلُبُ الْعِلْمَ فَقَالَ : مَرْحَبًا بِطَالِبِ
 الْعِلْمِ طَالِبِ الْعِلْمِ لَنُحَقِّقَهُ الْمَلَائِكَةُ
 وَتُظَلُّهُ بِأَجْنِحَتِهَا ثُمَّ يَرْكَبُ بَعْضُهُ
 بَعْضًا حَتَّى يَبْلُغُوا السَّمَاءَ الدُّنْيَا مِنْ
 حَيْثُمْ لِمَا يَطْلُبُ

Maksudnya : *Safwan bin ‘Assal al-Muradi menceritakan : Aku menemui Rasulullah ﷺ yang sedang bersandar di masjid.... maka aku berkata kepada baginda : Ya Rasulullah ! Aku datang untuk menuntut ilmu.*

Maka baginda bersabda : Selamat datang wahai penuntut ilmu, sesungguhnya para malaikat akan melebarkan sayap mereka untuk menaungi penuntut ilmu, kemudian mereka akan terbang sehingga sampai ke langit dunia dalam keadaan mereka kasih kepada orang yang menuntut ilmu

Pengajian Hadith di Masjid Pada Zaman Tab‘in

Pengajian Hadith pada zaman tabiin berkembang dengan pesat. Perkembangan ini berlaku terutamanya semasa pemerintahan ‘Umar ‘Abd al-‘Aziz (101H) daripada Bani Umayyah. Beliau sangat menggalakkan umat Islam menyebarkan dan mempelajari Hadith .

Rentetan daripada itu, bermulalah usaha pengumpulan dan pembukuan Hadith. Usaha ini dijalankan kerana ‘Umar bimbang aktiviti pengajian Hadith akan terbantut dengan kematian ramai ulama Hadith. Oleh itu, beliau mengarahkan agar hanya Hadith yang benar-benar daripada Rasulullah ﷺ sahaja dikumpul dan ditulis . Maka, dapatlah dikatakan bahawa Hadith ditulis secara rasmi pada zaman ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz.

Hadith-hadith yang siap dibukukan dihantar ke seluruh wilayah Islam. Penghantaran buku-buku Hadith ini adalah sebahagian daripada usaha beliau untuk menggalakkan ilmuan Islam terus belajar dan mengajarkan Hadith serta menghidupkannya dalam kehidupan. ‘Ikrimah bin ‘Ammar meriwayatkan bahawa ‘Umar pernah mengarahkan para ilmuan supaya menyebarkan Hadith di seluruh masjid kerana Hadith hampir-hampir mengalami kepupusan .

Pengajian Hadith pada zaman tab'in melibatkan banyak tokoh Hadith. Mereka tinggal di merata-rata wilayah Islam seperti di Madinah, Mekah, Kufah, Basrah, Syam, Mesir dan Yaman.

Tokoh Hadith dalam kalangan tabiin yang terkenal di Madinah ialah Sa'id bin al-Musayyab (93H), 'Urwah bin al-Zubayr (94H), Salim bin 'Abd Allah bin 'Umar (106H), al-Qasim bin Muhammad bin Abu Bakr (112H) dan Ibn Syihab al-Zuhri (124H). Tokoh-tokoh Hadith di Mekah pula antaranya ialah 'Ikrimah mawla Ibn 'Abbas (105H), 'Ata' bin Abi Rabah (115H) dan Abu al-Zubayr Muhammad bin Muslim (128H) .

Kufah turut memiliki ramai tokoh Hadith dalam kalangan tab'in. Antara yang terkenal termasuklah 'Alqamah bin Qays bin 'Abd Allah al-Nakha'i (62H), Ibrahim bin al-Nakha'i (96H), dan 'Amir bin Syarahil (104H). Sementara itu di Basrah, antara tokoh Hadith yang menetap di sana ialah al-Hasan bin Abi al-Hasan al-Basri (110H), Muhammad bin Sirin (110H) dan Qatadah bin Di'amah al-Sadusi (117H) .

Selain itu, wilayah-wilayah lain yang didiami oleh tokoh Hadith termasuklah di Syam seperti 'Umar bin 'Abd al-'Aziz (101H), Yazid bin Abi Hubayb (128H) di Mesir serta Tawus bin Kaysan (106H) dan Wahb bin Munabbih (110H) di Yaman .

Kelahiran banyak tokoh Hadith dalam kalangan tab'in di merata-rata wilayah Islam seperti dinyatakan di atas menjadi petunjuk terhadap kepesatan aktiviti pengajian Hadith pada zaman tersebut. Tidak boleh dinafikan bahawa kepesatan pengajian Hadith pada zaman tabiin ini sedikit sebanyak telah disumbangkan oleh kerancangan pembinaan masjid oleh pemerintah pada masa itu. Oleh itu, tidak hairanlah tokoh-tokoh Hadith dalam

kalangan tabiin menumpukan pengajaran mereka di masjid yang menjadi salah sebuah institusi pendidikan utama ketika itu.

Antara yang terlibat dengan pengajaran Hadith di masjid ialah Sa'id bin al-Musayyab (93H). Sa'id dilahirkan di Madinah pada tahun 15 Hijrah iaitu dua tahun selepas 'Umar al-Khattab menjadi khalifah. Beliau ialah tokoh besar tabiin dan terkenal dengan panggilan Sayyid al-Tabi'in (سَيِّدُ التَّابِعِينَ). Beliau juga digelar Faqih al-Fuqaha' dalam kalangan para ulama di Madinah. 'Ali bin al-Madini melahirkan kekagumannya dengan menyatakan bahawa beliau tidak pernah bertemu dengan orang yang sangat luas ilmunya dalam kalangan tab'in daripada Sa'id .

Ahli-ahli Hadith bersepakat bahawa Sa'id ialah seorang yang warak, dipercayai, sangat prihatin dengan sunnah dan rajin beribadah. Ketekunan beliau dengan ilmu sangat ketara kerana kebanyakan masanya dihabiskan di masjid untuk beribadat dan menyampaikan ilmu. Beliau mengakui bahawa selama tiga puluh tahun beliau tidak pernah ketinggalan mendengar suara azan di masjid. Hal yang demikian turut diceritakan oleh Abu Wada'ah yang selalu mengikuti pengajaran Sa'id di masjid. Suatu hari beliau terkejut kerana Sa'id datang ke rumahnya. Hal ini kerana menurut Abu Wada'ah, selama empat puluh tahun Sa'id tidak pergi ke tempat lain melainkan berulang alik di antara rumahnya dan masjid sahaja. Peristiwa inilah yang merakamkan Sa'id telah mengahwinkan anaknya dengan Abu Wada'ah yang kematian isteri .

Menurut Yahya bin Sa'id al-Ansari, semasa menyampaikan ilmu, Sa'id kerap menyebut (۝ اللَّهُمَّ سَلِّمْ سَلِّمْ) . Kecintaannya terhadap ilmu terutamanya Hadith diungkapkan melalui kata-katanya yang berikut :

إِنْ كُنْتُ لَأَرْحَلَ الْأَيَّامَ وَاللَّيَالِي فِي طَلَبِ الْحَدِيثِ الْوَاحِدِ

Maksudnya :

Sekiranya (diikutkan) diriku, nescaya aku akan berjalan siang dan malam untuk mencari (walaupun) sebuah Hadith.

Komitmen Sa'id terhadap majlis ilmu di masjid terserlah dalam suatu peristiwa yang melibatkan beliau dengan Khalifah 'Abd al-Malik bin Marwan. Ibn Khallikan (681H) menyatakan bahawa Sa'id semasa hidupnya tidak mahu berbaiah (بَيْعَة) dengan 'Abd al-Malik. Akibatnya gabenor Madinah, Hisyam bin Isma'il telah mengeluarkan arahan supaya Sa'id disebut dan diarak keliling Madinah sekiranya beliau terus enggan berbaiah terhadap khalifah. Sejurus mengetahui arahan tersebut, sahabat-sahabat Sa'id iaitu Sulayman bin Yassar, 'Urwah bin al-Zubayr dan Salim bin 'Abd Allah menasihati beliau supaya tidak ke masjid bagi mengelakkan beliau dikenakan tindakan, namun beliau tetap enggan. Sa'id tetap meneruskan rutin hariannya ke masjid untuk bersolat dan mengajar .

Komitmen Sa'id terhadap pengajian ilmu khususnya Hadith turut disaksikan sendiri oleh Khalifah al-Walid bin 'Abd al-Malik. Sejurus selepas dilantik sebagai khalifah, baginda ke Madinah dan singgah di masjid. Baginda melihat seseorang sedang dikelilingi orang ramai dalam satu majlis ilmu. Baginda diberitahu bahawa orang tersebut ialah Sa'id bin al-Musayyab, seorang faqih di Madinah dan ketua kaum Quraisy.

Tokoh Hadith lain yang dikaitkan dengan pengajian Hadith di masjid ialah Malik bin Anas (179H). Beliau pernah memasuki Masjid Nabawi untuk mempelajari Hadith. Beliau menyatakan lebih kurang tujuh puluh orang dalam masjid yang ditemui oleh beliau mendakwa bahawa apa-apa yang disebut oleh

mereka ialah sabda Rasulullah. Meskipun terpancar sifat amanah dalam diri mereka, namun belum mencukupi untuk beliau mengambil kata-kata mereka kerana mereka bukan terdiri daripada ahli ilmu Hadith atau ilmu riwayat.

Senario ini memberikan gambaran bahawa sesi pengajian Hadith berlaku secara meluas di Masjid Nabawi pada zaman tab'in. Ahli Hadith dalam kalangan mereka pula sangat kritis dan berhati-hati dalam penerimaan dan pengambilan sesuatu riwayat Hadith. Dalam hal ini, Ibn Sirin (110H) semasa menekankan kepentingan bersikap teliti dan berhati-hati terhadap sesuatu riwayat Hadith, beliau berkata :

إِنَّ هَذَا الْعِلْمَ دِينٌ فَانظُرُوا عَمَّنْ تَأْخُذُونَ دِينَكُمْ

Maksudnya :

Sesungguhnya ilmu ini (ilmu periwayatan Hadith) adalah sebuah 'agama', maka telitilah daripada siapa kamu mengambil 'agama' kamu.

Selain pengajaran, masjid pada zaman tab'in juga menjadi tempat muzakarah antara tokoh Hadith. Muslim al-Battin pernah meriwayatkan bahawa beliau pernah melihat Abu Yahya al-A'raj, seorang yang mahir tentang Ibn 'Abbas bermuzakarah tentang Hadith sahabat tersebut bersama-sama dengan Sa'id bin Jubayr di Masjid Kufah. Muzakarah dijalankan sepanjang malam sehingga ke waktu subuh. Ibrahim al-Nakha'i menyatakan bahawa beliau menunggu sepanjang malam untuk bertemu dengan sahabat-sahabatnya sebelum mereka mula bermuzakarah. Semasa bermuzakarah, berlaku perbahasan antara para ilmuan tentang kualiti sesebuah Hadith sama ada kuat atau lemah. Yazid bin Harun menyatakan hasil daripada perbahasan tersebut

dapat menentukan status Hadith yang dibahaskan.

KESIMPULAN

Hadith dalam Islam mempunyai kedudukan yang sangat tinggi. Kedudukan ini berasaskan peranannya sebagai sumber penjelas kepada al-Qur'an. Rasulullah ﷺ telah melaksanakan tanggungjawab untuk menyampaikan Hadith dengan amat berjaya menerusi institusi-institusi tradisi iaitu di rumah sahabat, rumah baginda sendiri dan juga masjid. Sebagai sebuah institusi pendidikan, Masjid Nabawi boleh dianggap sebagai model masjid paling berjaya dan menonjol dalam menggerakkan pengajian Hadith pada zaman Rasulullah ﷺ. Para sahabat memperlihatkan keiltizaman yang tinggi terhadap pengajian Hadith dalam usaha mereka untuk memastikan kelestarian dan kelangsungannya. Rasulullah ﷺ juga merupakan ikon pendidik yang tiada tandingannya dalam merintis disiplin dan metodologi pengajian Hadith. Sementara itu sebagaimana zaman Rasulullah ﷺ, masjid pada zaman sahabat turut berfungsi sebagai institusi pendidikan dan pengajian ilmu-ilmu Islam terutamanya yang berkaitan dengan al-Qur'an dan Hadith. Pengajian Hadith pada zaman sahabat telah mula tersebar di luar daripada lingkungan Kota Madinah dan Kota Mekah kerana berlakunya pembukaan wilayah-wilayah baharu Islam dalam era pemerintahan *al-Khulafa' al-Rasyidin*. Seiring dengan pembukaan wilayah-wilayah baharu ini, masjid turut dibangunkan atas keperluan masyarakat Islam dan ini memberikan impak positif kepada kesinambungan pengajian Hadith. Manakala ketulenan sumber dalam pengajian Hadith pada zaman sahabat dapat dipastikan dengan pelaksanaan dasar periwayatan Hadith oleh *al-Khulafa' al-Rasyidin*. Meskipun terdapat perbezaan dalam pendekatan mereka, namun hasrat dan

matlamat untuk memastikan ketulenan dan keabsahan sesuatu riwayat Hadith menampakkan kebersamaan.

RUJUKAN

1. `Ali `Abd al-Halim Mahmud, *al-Masjid wa Atharuh fi al-Mujtama' al-Islami*, hlm. 41-42 .
2. `Abd al-Wahhab `Abd al-Salam, 1997, *al-Tarbiyah al-Islamiyah wa Fann al-Tadris*, cet. 1, al-Qahirah : Dar al-Salam.
3. Abdullah Ishak, 1995, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, cet. 1, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 26 .
4. Abi Dawud Sulayman al-Sijistani, *Sunan Abu Dawud*, Bab *al-Ard Yusibuha al-Bawl*, Hadith no. 380 (Hadith ini dinilai sahih oleh penyunting buku ini), hlm. 72 . Lihat juga Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, Bab *Wujub Ghusl al-Bawl wa Ghayrih min al-Najasat iza Hasalat fi al-Masjid*, Hadith no. 284 & 285, j. 1,
5. Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn bin `Ali al-Bayhaqi, 2003, *Al-Sunan al-Kubra*, Muhammad `Abd al-Qadir `Ata (pnyt.), Bab *Ma Yustahab Min Tabyin al-Kalam wa Tartilih wa Tark al-'Ajalah fih*, Hadith no. 5758 (Hadith ini dinilai sahih oleh penyunting kitab ini), j. 3, cet. 3, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah
6. Ahmad bin `Ali bin Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*, j. 10, cet. 1
7. Ahmad bin `Ali bin Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, j. 3, cet. 1
8. Al-Abrasyi, 1970, *Dasar-Dasar Pokok Pendidikan Islam*, Bustani Abd. Ghani dan Djohar Bahry (terj.), Jakarta : Bulan Bintang, hlm. 65 .
9. Ali `Abd al-Halim Mahmud, *al-Masjid wa Atharuh fi al-Mujtama' al-Islami*,

- Lihat juga Syalaby, 1954, *History of Muslim Education*, Beirut : Dar al-Kasasyaf,.
10. Al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud, 'Abd al-Rahman Muhammad 'Uthman (pnyt.), j. 2, cet. 2, al-Madinah al-Munawwarah : al-Maktabah al-Salafiyah,
 11. Badruddin al-'Aini, 1999, *Syarh Sunan Abi Dawud*, Khalid bin Ibrahim (pnyt.), j. 2, cet. 1, Riyad : Maktabah al-Rusyd,
 12. Dasuki Ahmad, 1974, *Ikhtisar Perkembangan Islam*, cet. 1, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
 13. Ibn al-'Arabi, t.t., *'Aridah al-Ahwadhi bi Syarh Sahih al-Tirmidhi*, j. 10, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyah,
 14. Ibn Kathir, 2000, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Mustafa al-Sayid Muhammad, et.al. (pnyt.), j. 7, cet. 1, al-Qahirah : Muassasah Qurtubah,.
 15. Malaya, hlm. 55 .Muhammad Hamidullah, 1961, *Sahifah Hammam Ibn Munabbih*, Muhammad Rahimuddin (terj.), cet. 5, Paris : Centre Culture Islamique. Muhammad Isma'il al-Bukhari, *al-Jami' al-Sahih*, Bab *al-Hirs 'ala al-Hadith*, Hadith no. 99, j. 1
 16. Mohd Fauzi Hamat, et.al., 2007, *Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, hlm. 123
 17. Mohd. Napiah Abdullah, *Ikhtisar Sejarah Perkembangan dan Kaedah Penyusunan Hadith*
 18. Mohd. Yusuf Ahmad, 2002, *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti
 19. Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, 1988, *Al-Sunnah Qabl al-Tadwin*, cet. 2, Qahirah : Maktabah Wahbah, hlm. 47 .
 20. Muhammad Isma'il al-Bukhari, *al-Jami' al-Sahih*, Bab *al-Jumu'ah fi al-Qura wa al-Mudun*, Hadith no. 892, j.1,..
 21. Muhammad Isma'il al-Bukhari, *al-Jami' al-Sahih*, Bab *Iza 'Arrada bi Nafy al-Walad*, Hadith no. 5305, j.3
 22. Muhammad Isma'il al-Bukhari, *al-Jami' al-Sahih*, Bab *Ma Kan al-Nabi ﷺ Yatakhawaluhum bi al-Maw'izah wa al-'Ilm kai la Yanfiru*, Hadith no. 69, j.1, hlm. 42 .
 23. Muhammad Isma'il al-Bukhari, *al-Jami' al-Sahih*, Bab *Nawm al-Rijal fi al-Masjid*, Hadith no. 440 dan 442, j.1, hlm. 159 .
 24. Muhammad Yusuf al-Kandahlawi, 1999, *Hayah al-Sahabah*, Basysyar 'Awwad Ma'ruf (pnyt.), j. 4, cet. 1, Beirut : Muassasah al-Risalah,
 25. Musa Syahin Lasyin, 2002, *Fath al-Mun'im Syarh Sahih Muslim*, j. 3, cet. 1, al-Qahirah : Dar al-Syuruq, hlm. 620 .
 26. Musa Syahin Lasyin, *Fath al-Mun'im Syarh Sahih Muslim*, j. 6, cet. 1,
 27. Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, Bab *Istihbab Isti'mal al-Mughtasalah min al-Haid Fursah min Misk fi Mawdi' al-Dam*, Hadith no. 332, j. 1, hlm. 161 .
 28. Muslim bin Hajjaj, *Sahih Muslim*, Kitab *al-Li'an*, Hadith no.1500, j.1, hlm. 711.
 29. Mustafa al-Siba'i, *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri' al-Islami*,
 30. Nur al-Din bin 'Abd al-Hadi al-Sanadi, 1986, *Hasyiah al-Sanadi 'ala al-Nasa'i*, 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah (pnyt.), j. 1, Halb : Maktab al-Matbu'at al-Islamiyah,. (Versi elektronik al-Maktabah al-Syamilah)
 31. Roziyah Sidik, et.al., 2011, *Pengajian Islam (Edisi Kedua)*, Shah Alam : Oxford Fajar
 32. Sa'id Isma'il 'Ali, 2002, *Al-Sunnah al-Nabawiyah : Ru'yah Tarbawiyah*, cet. 1, al-Qahirah : Dar al-Fikr al-'Arabi, hlm. 103 – 105 .
 33. Safa' al-Dawwi Ahmad 'Adawi, 1999, *Ihda' al-Dibajah bi Syarh Sunan Ibn Majah*, j. 1, t.t.p. : Dar al-Yaqin, hlm. 141 – 142 .

34. Salih Muhammad 'Uthaymin, *Syarh Riyad al-Salihin*, j. 1, hlm. 78 (versi elektronik al-Maktabah al-Syamila)
35. Sulayman bin Ahmad al-Tabarani, t.t., *al-Mu'jam al-Kabir*
36. Yusuf Khatir Hasan al-Suri, 1991, *Asalib al-Rasul ﷺ fi al-Da'wah wa al-Tarbiyah*, t.t.p : Sunduq al-Takaful.